

Klasifikasi Semantik dan Jenis Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran ke Bahasa Melayu

Semantic Classification and Type of Problems in the Translation of Quranic Euphemisms into Malay Language

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad¹, Muhammad Saiful Anuar Yusof, Razimi Zakaria, Mohd Baharim Mayidin

¹ Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan, Email: luqman701@uitm.edu.my

² Muhammad Saiful Anuar Yusof, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan, Email: saiful673@uitm.edu.my

³ Razimi Zakaria, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan, Email: razimi91@uitm.edu.my

⁴ Mohd Baharim Mayidin, Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan, Email: baharim424@uitm.edu.my

⁵ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, 21mt09002@student.kuis.edu.my

⁶ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, 22pi01001@student.kuis.edu.my

ABSTRACT

Eufemisme merupakan alternatif untuk menjadikan sesuatu perkataan menjadi lebih lembut dan halus. Dalam konteks al-Quran, eufemisme terbina daripada elemen semantik dan unsur figuratif yang mencetuskan permasalahan dalam penterjemahan. Oleh itu, penelitian terhadap elemen makna eufemisme al-Quran perlu dijadikan asas dalam proses penterjemahan. Kajian kualitatif ini dilakukan untuk menganalisis klasifikasi semantik dan jenis permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Bagi merealisasikan objektif ini, pengkaji memanfaatkan model eufemisme oleh Warren (1992) dan jenis permasalahan yang dikemukakan oleh Olimat (2018). Di samping itu, pengkaji merujuk pangkalan Corpus of Euphemisms in the Qur'an oleh Olimat (2019) sebagai instrumen penyenaian dan pengumpulan data. Dapatan menunjukkan eufemisme al-Quran terdiri daripada inovasi semantik antaranya makna metonimi, makna metafora, makna implikasi, makna pengkhususan dan makna reversal. Klasifikasi makna tersebut berupaya mencetuskan permasalahan dalam penterjemahan. Justeru, peranan penterjemah dilihat signifikan untuk memastikan makna konteks disampaikan menggunakan pendekatan terjemahan yang sesuai. Selain itu, pemilihan terminologi juga perlu diperhalusi supaya teks terjemahan selari dengan peraturan berbahasa masyarakat Melayu.

Kata kunci: *klasifikasi semantik; permasalahan dalam penterjemahan; eufemisme al-Quran; terjemahan al-Quran.*

ABSTRAK

Euphemism is an alternative to make an expression subtler and more delicate. In the context of the Quran, euphemisms are structured from semantic and figurative elements that cause difficulties in translation. Analysis pertaining to the meaning of Quranic euphemism should be the basis in the translation process. This qualitative study was conducted to analyze semantic classification and types of problems in the translation of Quranic euphemisms into the Malay language. In order to achieve this objective, the researcher employed Warren's model of euphemism (1992) and a category of problems proposed by Olimat (2018). Besides that, the researcher utilized the Corpus of Euphemisms in the Qur'an by Olimat (2019) as a listing and data collection instrument. Findings show that Quranic euphemism consists of semantic innovations including metonymic meaning, metaphorical meaning, implicational meaning, particularization meaning and reversal meaning. Consequently, classifications of meaning can bring about problems in translation. Thus, the role of the translator is seen significant to ensure that the contextual meaning intended is conveyed using an appropriate translation approach. In addition, the selection of terminology also needs to be refined so that the translated text is in line with the language rules of the Malay community.

Keywords: *semantic classification; problems in translation; Quranic euphemisms; translation of the Quran.*

Received: September 14, 2022

Accepted: May 25, 2023

Online Published: May 30, 2023

Pendahuluan

Penterjemahan merupakan kaedah penyampaian teks daripada bahasa sumber (BSu) ke dalam bahasa sasaran (BSa) bertujuan membantu merapatkan jurang bahasa dan budaya agar komunikasi menjadi lebih lancar. Lantaran itu, penterjemah berperanan untuk mencari kesetaraan dan kesepadanan makna dalam BSa. Hakikatnya, tugas seorang penterjemah bukanlah mudah disebabkan kesukaran yang timbul daripada perbezaan budaya dan bahasa. Selain itu, unsur dan ciri keunikan yang terdapat pada BSu juga berkemungkinan menjadikan aktiviti penterjemahan lebih mencabar.

Antara cabaran yang mencetuskan permasalahan apabila melibatkan ungkapan eufemisme (al-Qahtani, 2020; Muhammad Luqman Ibnul Hakim & Zulazhan, 2021; Rufaida Mohamed, 2019). Eufemisme menurut Brown dan Levinson (1987: 216) merupakan ciri universal yang dipraktikkan pada penggunaan bahasa. Antaranya penghalusan ujaran apabila memperkatakan tema seperti hubungan badan, kematian, penyakit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, setiap budaya dalam masyarakat mempunyai kelas dan pendekatan berbeza dalam menentukan tema yang dianggap sebagai tabu.

Bahasa Arab dan Melayu kaya dengan ungkapan eufemisme merangkumi pelbagai domain seperti bahagian badan, penyakit, hal kewanitaan dan hubungan suami isteri. Domain tersebut juga dibicarakan dalam al-Quran dan kebanyakannya didatangkan secara figuratif. Menurut Olimat (2019) terdapat 918 ungkapan eufemisme dalam al-Quran masing-masing 518 dalam surah Makkiyyah dan 400 dalam surah Madaniyyah. Menurutnya lagi, eufemisme al-Quran digunakan untuk menangani topik sensitif seperti hubungan badan, sodomi, kematian, perceraian, perkumuhan dan kecacatan. Lantaran itu, perhatian mendalam perlu diberikan khususnya dalam penterjemahan eufemisme al-Quran yang mengandungi pelbagai kelas semantik. Antara eufemisme domain hubungan badan yang dibicarakan dalam al-Quran seperti jadual berikut:

Jadual 1: Eufemisme Al-Quran Domain Hubungan Badan

Eufemisme al-Quran berdasarkan pangkalan korpus

رَفَثَ	لِبَاسٍ	بِشُرُوهُنَّ	فَأَثُوهُنَّ	وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ	أَفْضَىٰ	حَرَثٌ	يُؤَلُونَ
فَاءَؤ	تَمَسُّوهُنَّ	يَمَسِّنِي	عَاشِرُوهُنَّ	فَاعْتَرَلُوا النِّسَاءَ	أَسْتَمْتَعْتُمْ	لَمَسْتُمْ	تَعَشَّاهَا

Sumber: *Corpus of Euphemism in the Quran* oleh Olimat (2018)

Dari segi tradisi dan sejarah, konsep eufemisme dalam bahasa Arab telah dikaji sebagai unsur retorik, iaitu *kināyah* dan *ta'riḍ* yang mengutarakan fungsi yang sama. Dalam konteks perkembangan bahasa, sarjana terkini melabelkan eufemisme sebagai *taḥsīn al-Lafz*, iaitu mencantikkan perkataan dan *talīf al-lafz*, iaitu melembutkan kata (El-Zeiny, 2009). Meskipun begitu, *kināyah* merupakan terma yang paling dekat dengan konsep eufemisme. Hal ini sejajar dengan Albarakati (2018) yang menyatakan antara perintis bahasa Arab yang turut merasakan hubungan antara *kināyah* dan eufemisme ialah Ibn Fāris. Tuntasnya, eufemisme dalam bahasa Arab didefinisi sebagai *al-kināyah*, *al-ta'riḍ* dan *al-talaṭṭuf* disebabkan ciri dan sifat yang terdapat pada bahasa Arab (albarakati, 2018).

Ringkasnya, eufemisme merupakan alat retorik yang digunakan untuk menghasilkan kesan kepada pendengar atau pembaca menggunakan ujaran lebih halus dan berlapik. Di samping itu, eufemisme secara asasnya berbeza mengikut budaya dan cara mengujarkannya dalam masyarakat. Sehubungan itu, topik ini menjadi lebih menarik apabila ia dibincang dari sudut penterjemahan al-Quran.

Eufemisme al-Quran dari sudut Inovasi Semantik


Dari sudut linguistik, eufemisme al-Quran terbina daripada struktur makna yang berbeza. Hal ini dipersetujui oleh Olimat (2018) yang mengadaptasi model Warren (1992) dan mengemukakan sebilangan klasifikasi makna. Berdasarkan model tersebut, eufemisme dibentuk melalui dua cara, iaitu inovasi formal dan semantik. Inovasi formal melibatkan (1) formasi perkataan (seperti: akronim, derivasi dan onomatopia), (2) modifikasi bunyi (seperti: gantian bunyi dan singkatan kata) dan (3) kata pinjaman. Menurut Albarakati (2018), inovasi formal tidak sesuai diaplikasi dalam konteks terjemahan eufemisme al-Quran.

Manakala, inovasi semantik membentuk tujuh makna baharu berdasarkan pentafsiran makna kontekstual dan dipraktikkan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran. Klasifikasi makna tersebut ialah, makna pengkhususan (*particularization*), makna implikasi (*implications*), makna metafora (*metaphors*), makna metonimi (*metonyms*), makna kebalikan/ironi (*reversals*), makna pengurangan/litot (*understatements*), dan makna hiperbola (*overstatements*). Dari sudut penggunaannya dalam bahasa Arab, empat ciri semantik yang dipraktik dalam komunikasi, iaitu ungkapan figuratif (*figurative expressions*), ungkapan yang meleret (*circumlocutions*), pembentukan semula (*remodelling*) dan antonim (*antonym*) (Farghal, 1995).

Daripada tujuh jenis semantik yang dikemukakan oleh Warren (1992), dua jenis makna paling dominan digunakan dalam al-Quran, iaitu metonimi dan metafora. Metonimi ialah penggunaan satu ciri dengan maksud sesuatu yang lain dan biasanya disebut *general for specific* ‘umum untuk spesifik’ kerana terdapat hubungan antara makna kontekstual dan konvensional. Metonimi dalam bahasa Arab merujuk kepada *al-kināyah*. Contohnya kata تَمَسُّوْهُنَّ (Literal: sentuh) yang membawa maksud mencampuri isteri. Manakala, metafora merupakan bentuk ujaran yang menggambarkan objek atau tindakan secara literal tetapi membantu untuk menjelaskan makna melalui beberapa dimensi makna konvensional dan makna kontekstual. Dalam bahasa Arab ia merujuk kepada *al-Istiā’ratt*. Contohnya kata نِسَائِكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ (Literal: ladang) yang bermaksud mencampuri isteri.

Makna pengkhususan pula merujuk kepada istilah umum dalam bentuk makna khusus dan pembaca perlu meneliti konteks ayat untuk memahami maksud tersebut. Makna implikasi pula ialah makna (hubungan sebab dan akibat) yang dapat difahami walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit. Seterusnya, makna kebalikan/ironi menunjukkan pertentangan atau menggunakan perkataan dengan makna berlawanan. Manakala makna litot dan hiperbola masing-masing terarah kepada ciri bahasa yang diperkecilkan dan menyatakan sesuatu dengan terlalu jelas atau berlebihan.

Rajah 1: Model Pembentukan Eufemisme Oleh Warren (1992)



Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran

Makna eufemisme al-Quran berkemungkinan menjadi samar atau hilang apabila diterjemahkan ke dalam bahasa lain (Ali, 1996). Oleh kerana itu, penelitian terhadap elemen semantik dan mengenal pasti faktor yang mencetuskan permasalahan merupakan tunjang bagi menghasilkan kualiti dan ketepatan dalam penterjemahan. Al-Dulaimi et al. (2012) mengetengahkan dua isu penting dalam penterjemahan eufemisme al-Quran, iaitu kesedaran penterjemah terhadap frasa eufemisme dalam proses terjemahan dan ketepatan menyampaikan makna eufemisme al-Quran.

Altaie (2010) mengkaji ketidaktepatan terjemahan eufemisme al-Quran dalam karya bahasa Inggeris. Menurutnya, kebanyakan penterjemah gagal menyampaikan makna fungsional leksikal eufemisme dalam karya terjemahan. Bagi menangani permasalahan ini, beliau mencadangkan prosedur tambahan seperti penyisipan huraian penjelasan, parafrasa dan anotasi. Selain itu, Ali Albashir dan Mohamoud Ali (2017) pula mengetengahkan permasalahan dari sudut ketidaksesuaian gaya eufemistis dan perbezaan makna dalam terjemahan makna al-Quran ke bahasa Inggeris. Walaupun kajian tersebut dijalankan dalam domain terjemahan Arab-Inggeris, namun ia membantu pengkaji memahami konsep eufemisme al-Quran dari sudut pemaknaan dan gaya yang perlu diberi perhatian.

Olimat (2018) merupakan sarjana yang mengutarakan permasalahan berkaitan penterjemahan eufemisme al-Quran secara detail. Menurutnya, permasalahan tersebut merangkumi sudut semantik, sintaksis, pragmatik dan aplikasi penterjemahan. Hal ini dijelaskan berdasarkan rajah berikut:

Rajah 2: Bentuk Permasalahan dalam Penterjemahan Eufemisme al-Quran oleh Olimat (2018)



Dalam konteks terjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu, Muhammad Luqman Ibnul Hakim & Zulazhan (2021) menyatakan bahawa elemen linguistik dan unsur budaya merupakan faktor yang mencetuskan permasalahan dalam penterjemahan. Menurutnya lagi, implikasi daripada pengaplikasian pendekatan terjemahan yang kurang sesuai boleh menyebabkan makna konteks tidak disampaikan. Selain itu, pemilihan terminologi juga adalah signifikan untuk dipadankan selaras dengan peraturan berbahasa

masyarakat Melayu. Hal ini penting bagi menghasilkan padanan yang menepati konsep kesantunan berbahasa dan mengelakkan penggunaan terminologi berunsur disfemisme.

Dari sudut kajian lepas, kajian penterjemahan yang memfokuskan fenomena eufemisme dalam al-Quran ke bahasa Melayu belum dikaji secara khusus dan tuntas. Walau bagaimanapun, terdapat kajian dengan dua fokus berbeza dijalankan oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021) serta Nasimah dan Lubna (2019). Kajian pertama memfokuskan terjemahan eufemisme dalam al-Quran ke bahasa Melayu manakala, kajian kedua memfokuskan penggunaan eufemisme dalam teks terjemahan. Keterbatasan kajian tersebut memerlukan kepada satu kajian yang dapat mengeneralisasikan dapatan secara menyeluruh. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu dari sudut klasifikasi semantik dan jenis permasalahan dalam karya terjemahan.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan berorientasi teknik perbandingan dan perbincangan bagi meneliti elemen makna yang terbina daripada struktur eufemisme dalam al-Quran dan permasalahan yang perlu ditangani semasa proses penterjemahan. Bagi merealisasi tujuan ini, pengkaji menerapkan model Warren (1992) dan memanfaatkan jenis permasalahan yang diutarakan oleh Olimat (2018). Dua karya terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu dijadikan bahan kajian iaitu:

- 1- (al-Quran al-Karim dan Terjemahan Lafziyyah) terbitan Yayasan Restu. Cetakan 2018.
- 2- (al-Quran al-Karim & Terjemahan) terbitan Telaga Biru Sdn Bhd. Cetakan 2019.

Dari sudut semakan dan pengumpulan eufemisme al-Quran sebagai data kajian, pengkaji merujuk pangkalan korpus iaitu *Corpus of Euphemisms in the Qur'an* oleh Olimat (2019). Sebanyak lima sampel dipilih bertunjangkan kepada ciri-ciri yang menzahirkan klasifikasi makna dan bentuk permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu. Sehubungan itu, perbincangan dan huraian dibentangkan menggunakan jadual bagi merialisasi objektif kajian sebagaimana ditetapkan.

Analisis dan Perbincangan

Eufemisme al-Quran dan terjemahannya dalam bahasa Melayu ditanda dengan garisan bawah. Penandaan ini dibuat pada kedua-dua padanan terjemahan makna yang dikemukakan oleh syarikat penerbit. Karya terjemahan daripada Syarikat Telaga Biru dikod (TB 2019) dan Yayasan Restu ditanda (YR 2018).

Sampel 1

Jadual 2: Penterjemahan Eufemisme Jenis Makna Metonimi

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
al-Anbiya' 21: 74	<p>وَلُوطًا إِتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبِيثَ إِنَّمَا كَانُوا قَوْمًا سَوِيًّا فَاسِقِينَ</p>	<p>Dan kepada Lut, kami berikan kebijaksanaan dan ilmu serta kami selamatkan dia dari kota yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji (Homoseksual dan menyamun serta melakukannya secara terbuka). Sesungguhnya mereka itu ialah kaum yang jahat lagi fasik.</p>	<p>Dan kepada (Nabi) Lut, kami berikan hikmah kebijaksanaan dan ilmu; dan kami selamatkannya dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji. Sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang jahat lagi fasik.</p>

Berdasarkan jadual, TB 2019 dan YR 2018 masing-masing menterjemah eufemisme berunsur metonimi (الخبائث) menggunakan pendekatan semantik dengan padanan terjemahan “perkara-perkara yang keji”. Dalam konteks budaya Arab, eufemisme tersebut digunakan secara umum dan kurang menyinggung perasaan (Olimat, 2018). Sejalan dengan Warren (1992) yang menyatakan metonimi menghasilkan makna secara umum dan terarah pada maksud yang spesifik (*general for specific*). Dari sudut makna konteks, ayat tersebut menceritakan perihal nabi Lut AS diselamatkan Allah SWT daripada azab yang telah menimpa penduduk kota (Sodom) disebabkan perbuatan keji yang dilakukan secara terang-terangan.

Melalui perbandingan, perbezaan dapat diperhatikan dari sudut parameter huraian makna yang dilakukan oleh kedua-dua penerbit. Penyampaian terjemahan makna yang dilakukan oleh YR 2018 tergolong dalam aspek permasalahan semantik seperti dinyatakan oleh Olimat (2018). Hal ini dapat diperhatikan apabila maksud sebenar tidak disampaikan disebabkan penggunaan terjemahan literal. Implikasi daripada pendekatan ini berisiko mengelirukan kefahaman. Berbeza dengan TB 2019 yang menggunakan parentesis untuk mengeksplisitkan makna konteks dengan lebih detail. Tuntasnya eufemisme berunsur metonimi perlu ditangani memandangkan makna denotasi leksikal tersebut berbeza dan menjurus kepada makna yang spesifik.

Sampel 2

Jadual 3: Penterjemahan Eufemisme Jenis Makna Pengkhususan

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
al- Rum 30: 54	<p>اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ <u>ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ</u> <u>ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ</u> <u>بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً</u></p>	<p>Allah yang menciptakan kamu bermula dengan <u>keadaan lemah</u> kemudian Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula serta tua beruban.</p>	<p>Allah yang menciptakan kamu bermula dengan <u>keadaan lemah (air mani yang hina)</u>, selepas berkeadaan lemah itu (zaman kanak-kanak) Dia menjadikan kamu kuat (ketika muda belia). Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban.</p>

Ayat di atas menjelaskan peringkat yang dilalui dalam penciptaan manusia dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain. Secara literal, eufemisme ضَعْفٍ bermaksud “lemah” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2016). Menurut Warren (1992), eufemisme jenis makna ini perlu dieksplisitkan supaya maksud sebenar dapat disampaikan. Berdasarkan jadual, kedua-dua penerbit memadankan dengan padanan “keadaan lemah”. Namun, YR 2018 cuba menjelaskan makna sebenar menggunakan parentesis bagi menghasilkan kefahaman kepada pembaca sasaran seterusnya mengelakkan daripada masalah pemaknaan sebagaimana dinyatakan oleh Olimat (2018). Walau bagaimanapun, terminologi “air mani” dari sudut berbahasa masyarakat Melayu kurang mencerminkan kehalusan dalam komunikasi.

Justeru, perkataan tersebut boleh digantikan dengan “air benih” supaya gaya eufemistis (*euphemistic style*) dapat dicapai. Penggunaan istilah air benih bagi menggantikan istilah air mani dapat diperhatikan pada terjemahan makna al-Quran pada perkataan مَّآءٍ مَّهِينٍ oleh YR 2018 seperti jadual 4. Menurut Newmark (1981), kaedah ini merujuk kepada prosedur neutralisasi dengan menyamakan fungsi yang terdapat pada bahasa sumber dengan padanan fungsi yang sesuai dalam bahasa sasaran. Secara ringkasnya, terjemahan literal sebagaimana dilakukan oleh TB 2019 pula boleh mencetuskan kekeliruan apabila makna khusus yang terkandung pada eufemisme tersebut tidak diperincikan.

Jadual 4: Perbandingan Penggunaan Terminologi bagi Terjemahan Eufemisme مَاءٍ مَّهِينٍ

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
al-Mursalat 77: 20	أَمْ خَلَقْتُم مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ	Bukankah kami telah menciptakan kamu daripada <u>air yang hina?</u> * *air yang hina ialah air mani	Bukankah kami telah menciptakan kamu daripada <u>air (benih)</u> yang dipandang hina?

Sampel 3

Jadual 5: Penterjemahan Eufemisme Jenis Makna Implikasi

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
Maryam 19: 8	وَكَانَتْ أُمْرَأَتِي عَاقِرًا	Sedangkan isteriku adalah <u>seorang yang mandul</u>	Sedang isteriku adalah <u>seorang yang mandul</u>

Makna implikasi menurut Warren (1992) berkisar mengenai hubungan antara sebab dan akibat. Berdasarkan jadual, padanan terjemahan “mandul” mempunyai perkaitan asbab kepada situasi tidak dapat melahirkan anak. Secara kontekstual, ayat di atas membicarakan mengenai pertanyaan nabi Zakaria AS kepada Allah SWT tentang cara beroleh seorang anak memandangkan isterinya mandul dan beliau sendiri telah sampai had umur yang lanjut. Melalui perbandingan, kedua-dua penerbit memadamkan eufemisme عَاقِرًا kepada “seorang yang mandul”. Terminologi mandul sebagaimana dikemukakan adalah sepadan dari sudut semantik (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2016). Namun begitu, dari segi peraturan berbahasa, istilah tersebut membawa konotasi kurang berlapik malah tabu dalam budaya masyarakat Melayu (Nasimah & Lubna, 2019).

Justeru, penambahbaikan terjemahan boleh dilakukan dengan menggantikan terminologi mandul kepada “tidak dapat beranak” atau “majir” (Kamus Dewan, 2015). Dari sudut lain, penterjemah juga boleh mengaplikasi prosedur pengembangan seperti: “sedangkan isteriku adalah seorang yang belum berhasil melahirkan anak?”. Selain itu, pengkaji mendapati penggunaan kata menunjukkan kala kini, iaitu “sedang” seperti dikemuka YR 2018 menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu dan boleh ditambah baik dengan kata konjungsi “sedangkan”. Tuntasnya, kedua-dua penerbit dilihat tidak mengekalkan gaya eufemistis dalam penterjemahan.

Sampel 4

Jadual 6: Penterjemahan Eufemisme Jenis Makna Metafora

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
al-Baqarah 2: 223	نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أُنَّىٰ شِئْتُمْ	Isteri-isteri kamu ibarat <u>kebun tanaman</u> bagi kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu mengikut cara yang kamu sukai	Isteri-isteri kamu adalah sebagai <u>kebun tanaman</u> kamu. Oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai

Eufemisme حَرْث secara literal bermaksud ladang atau kebun. Dari sudut kontekstual, ayat 221-224 membicarakan tentang hukum dalam perkahwinan. Berdasarkan jadual, eufemisme tersebut merujuk kepada kewajipan seorang suami untuk mencampuri isterinya mengikut jalan yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Penggunaan imej ladang/kebun secara metafora diumpamakan sebagai tempat seorang suami usahakan untuk menyemai benih dan mendapatkan hasil (anak). Sejarar dengan kenyataan Warren (1992) bahawa makna metafora menggambarkan objek secara literal dan membantu untuk menjelaskan makna melalui dimensi makna kontekstual.

Frasa “datangilah kebun tanaman” merupakan terjemahan makna yang menepati gaya eufemistis dengan sempurna. Hal ini kerana, terminologi “datangilah” membawa maksud “setubuhilah” dengan ujaran halus dan berlapis selaras dengan peraturan berbahasa masyarakat Melayu (Kamus Dewan, 2015). Namun begitu, pengkaji berpandangan pengaplikasian terjemahan literal dengan padanan “kebun” sahaja memerlukan penjelasan tambahan menggunakan pendekatan terjemahan tertentu seperti parentesis atau nota kaki. Pengeksplisitan makna sebenar eufemisme tersebut dilihat signifikan untuk mencapai kefahaman memandangkan tidak semua pembaca sasaran mempunyai kemampuan untuk menginterpretasi maksud secara tekstual dan kontekstual.

Sampel 5

Jadual 7: Penterjemahan Eufemisme Jenis Makna Kebalikan

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		TB 2019	YR 2018
al-Mukminun 23: 7	فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ	Kemudian, barang siapa yang mengingini <u>selain daripada yang demikian*</u> *bermaksud zina, homoseksual dsb.	Sesiapa yang mengingini <u>selain daripada yang demikian</u> , maka merekalah orang yang melampaui batas

Ayat al-Quran di atas mempunyai kesinambungan makna dengan ayat yang sebelumnya. Berdasarkan konteks, ayat tersebut memperihal tentang sifat orang mukmin yang menjaga nafsu syahwat daripada perkara yang haram (seperti zina) kecuali kepada isteri atau hamba (Basmeih, 2010). Hamba yang dimaksudkan di sini merupakan perempuan dari tawanan perang sabil yang berlaku antara orang islam dengan orang kafir (ibid). Perempuan tersebut pada masa itu dibenarkan untuk dipergauli berdasarkan potongan ayat **فَأَيُّكُمْ عَيْرٌ مَّلُومِينَ** (23: 6) yang bermaksud “maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tidak tercela”.

Perkataan **ابْتَغَى** bermaksud melampau/menyimpang daripada kebenaran (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006), iaitu melanggar larangan Allah SWT dalam perkara hubungan suami isteri. Frasa eufemisme **وَرَاءَ ذَٰلِكَ** sebagaimana jadual diterjemah secara komunikatif dengan padanan “selain daripada yang demikian” apabila makna leksikal, iaitu “di balik itu/di belakang itu” tidak dipindahkan. Tuntasnya, elemen makna kebalikan dapat diperhatikan pada terjemahan makna eufemisme tersebut dan pembaca sasaran perlu menelusuri maksud sebenar secara intertekstual pada potongan ayat sebaliknya. Sejajar dengan Warren (1992) bahawa makna reversal menunjukkan kebalikan dengan makna yang bertentangan. Sebagai kefahaman, ayat tersebut bermaksud:

“sesiapa yang mengadakan hubungan (mencampuri) selain daripada isteri atau hamba sahayanya, maka merekalah orang yang melanggar larangan Allah SWT” (Basmeih, 2010).

Berdasarkan jadual, TB 2019 mengaplikasi teknik eksplisitasi dengan menyisipkan makna tambahan secara nota kaki bagi menghasilkan terjemahan yang mudah difahami. Sebaliknya, terjemahan makna eufemisme al-Quran yang dikemukakan oleh YR 2018 tanpa melakukan penyesuaian dilihat berisiko mengelirukan kefahaman.

Dapatan Kajian

Eufemisme al-Quran mengandungi unsur semantik tertentu dan memerlukan kepada pendekatan dan prosedur terjemahan yang sesuai. Terjemahan literal secara asasnya mengorbankan fungsi item leksikal al-Quran kecuali terdapat kesamaan dari sudut linguistik dan budaya. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati teknik eksplisitasi seperti penggunaan parentesis dan nota kaki membantu untuk menyokong terjemahan literal. Tambahan itu, makna figuratif seperti terdapat pada perkataan **أَلْحَبِيثُ** dan **حَرَثٌ** perlu dieksplisitkan menggunakan prosedur tertentu memandangkan maksud secara leksikal berbeza dengan maksud kontekstual. Selain itu, pemilihan terminologi yang menepati peraturan berbahasa dalam masyarakat juga merupakan tunjang bagi menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Secara ringkasnya, kajian menunjukkan eufemisme al-Quran mengandungi makna metonimi, metafora, pengkhususan, implikasi dan reversal. Oleh itu, proses terjemahan perlu mengambil kira aspek tersebut selaras dengan kesesuaian pengaplikasian metod terjemahan bagi mengelakkan berlakunya permasalahan sebagaimana dinyatakan oleh Olimat (2018).

Kesimpulan

Penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu bukanlah suatu yang mudah memandangkan setiap leksikal/frasa eufemisme mengandungi elemen semantik tersendiri. Kajian menunjukkan kesepadanan terjemahan makna eufemisme al-Quran dari sudut semantik bukanlah ukuran utama bagi menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Hal ini kerana, penterjemah juga disaran untuk meneliti dan memilih terminologi yang menepati konsep eufemisme selaras dengan kompetensi pragmatik pembaca sasaran. Sebagai rumusan, usaha untuk menyampaikan maksud sebenar, mengekalkan gaya berunsur eufemistik, mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu dan mengaplikasi metod terjemahan yang sesuai merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam proses penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu.

Rujukan

- Basmeih, A. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12.
- al-Dulaimi, A. & Aubed, M. 2012. A Study of Translations of Euphemisms in the Glorious Qur'an. *Journal of Historical & Cultural Studies*, Vol. 4 (11): 432-448.
- Albarakati, M. 2018. On the Euphemistic Style in Qur'anic Discourse; a New Model for Qur'anic Euphemism Formation. *Dragoman*, volume 7, no 8. 4-31.
- Ali Albashir, M. A. & Mohamoud Ali A. O. 2017. Problems of Translating Qur'anic Euphemisms: A Comparative Socio-pragmatic Study. *American International Journal of Contemporary Research*, 7(4). 104-117.
- Ali, Salah. 1996. Euphemism in Translation: A Comparative Study of Euphemistic Expressions in Two Translations of the Holy Qur'an. *Turjuman*. 5 (1), 23 – 37.
- Altaie, H. 2010. Euphemism in Arabic: Quranic texts as a case study. *Journal of Al-Ma'mon*. University College, 16, 370-380.
- Brown, P. & Levinson, S. C. 1987. *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge University Press.
- El-Zeiny, N. T. 2009. Euphemism in Prophetic Hadith: Domestication or Foreignisation, 3rd Languages and Translation Conference and Exhibition on Translation and Arabization in Saudi Arabia. Riyadh, Al-Imam Mohammed bin Saud University: 165-265.
- Farghal, M. 1995. Euphemism in Arabic: A Grecian interpretation. *Anthropological Linguistics*, (37), (3), (366-378).
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M. S & Zulazhan, A. H. 2021. Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme dalam al-Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 4 (3): 47-61.
- Nasimah, A. & Lubna, A. R. 2019. Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Vol. 4, No. 1, 39-56.
- Olimat, S. N. 2018. Developing a Model for Translating Euphemism in the Qur'an: An Intratextual- and Contextual-based Approach. *Advances in Language and Literary*

- Studies. *Australian International Academic Centre PTY.LTD*. Volume: 9 Issue: 6. 101-111.
- Olimat, S. N. 2019. Euphemism in the Qur'an: A Corpus based Linguistic Approach. *International Journal of Computational Linguistics (IJCL)*, Volume (10): Issue (2). 16-32.
- al-Qahtani, Osama. 2020. The Translation of Euphemisms for Genitals in the Quran. *RAIS Journal for Social Sciences*. Research Association for Interdisciplinary Studies, vol. 4(2), pages 66-70.
- Rufaida Mohamed, A. M. A. K. 2019. Hurdles Posed by Attempts to Translate Euphemism and Taboo Expressions with Reference to Glorious Quran. *International Journal of Contemporary Applied Researches*. Vol. 6, No. 8. 130-141.
- Warren, B. 1992. What euphemisms tell us about the interpretation of words? *Studia Linguistica*, 46(2), 128–172. Doi: 10.1111/j.1467-9582.1992.tb00833.x